



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JUNE 2016



DR. MAHATHIR MOHAMAD



MUHYIDDIN YASSIN

UM - 29/6/2016  
Parti baharu tak ke mana...

Oleh ZULKIFLI JALIL  
pengarang@utusan.com.my

**PARTI** politik baharu yang muncul dari serpihan parti induk, haluan-nya umpama bahtera yang tidak tiba ke pelabuhan.

Belayar di laut lepas sehingga kehabisan minyak di tengah lautan dengan anak-anak kapal menunggu 'penyambung nyawa'.

Dalam sejarah politik tanah air, kemunculan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada 1988 adalah peristiwa terbesar yang hampir memusnahkan parti induknya, UMNO.

Pergelutan antara Team A dan Team B dalam UMNO melahirkan S46 yang menjadi duri dalam daging kepada Dr. Mahathir dan rakan-rakan beliau.

Parti serpihan tersebut menghasilkan golongan kanan yang cepat memperjuangkan kepentingan Melayu. Bagi kira-kira sembilan tahun (1987-1996), S46 telah menonjolkan hak-hak Melayu, kedaulatan Sultan-sultan dan sudah tentu Islam yang menjadi satu usaha sesuai dengan hasrat Pas.

Malah, pakatan S46-Pas di Kelantan, yang lebih dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah, telah berjaya melahirkan kerajaan campuran. Tokoh-tokoh lain berkedudukan tinggi termasuk Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Hussein Onn dan kakaknya, Nel Onn.

Selain itu melibatkan bekas Ketua Pemuda UMNO yang juga bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, Brig Jeneral (B) Jaafar Onn, Ahmad Shabery Cheek, Suhaimi Kamaruddin (be-



kas Ketua Pemuda UMNO) dan beberapa bekas pemimpin UMNO yang lain.

Walaupun Razaleigh masuk semula ke dalam UMNO pada 1996 selepas S46 dibubarkan, Dr. Mahathir tidak menjemput beliau menyertai Kabinet.

Sebaliknya, Dr. Mahathir memberikan kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang terlibat dalam politik Team B UMNO selama beberapa tahun sebagai peluang baharu dan akhirnya menjadi Perdana Menteri kelima.

Kemunculan S46 menarik hampir separuh anggota Kabinet Dr. Mahathir dan menggugat pentadbiran negara.

Suatu ketika, tiga parti serpihan, Parti Hizbul Muslimin Malaysia (Hamim) dari Pas serta Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Parti Negara, ilham Yang Dipertua UMNO pertama, Datuk Onn Jaafar lenyap begitu sahaja.

Jika ada tercuai di hati Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang dipecat daripada UMNO baru-baru ini untuk menubuhkan parti baharu, elok difikirkan panjang.

PAN ditubuhkan dalam setahun ini hasil suntikan politik licik DAP pun belum mampu memiliki sebarang kerusi di Sarawak dan dua pilihan raya kecil baru-baru. Presidennya, Mohamad Sabu terkontang-kanting masih mencari kedudukan.